

07 AUG 2001

Bayi-Kematian

KEMPEN TINGKATKAN KESEDARAN KESIHATAN ATASI KEMATIAN BAYI

ALOR GAJAH, 7 Ogos (Bernama) -- Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kempen kesedaran mengenai penjagaan bayi dan kesihatan kepada ibu-ibu mengandung bagi mengurangkan lagi kadar kematian bayi semasa dilahirkan.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Ahmad Tajudin Jaafar berkata kesedaran di kalangan ibu mengandung sekarang baik dan mereka sering merujuk kepada klinik kesihatan untuk mendapatkan khidmat nasihat.

"Oleh itu, peningkatan jumlah kematian bayi ketika bersalin, bukanlah bermakna kurangnya tahap kesihatan di sesuatu tempat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan wad bersalin Hospital Alor Gajah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam semalam bahawa tahap kematian bayi di negeri itu ketika bersalin, meningkat.

Dr Ahmad Tajudin berkata kerajaan sentiasa meningkatkan kemudahan perubatan di setiap hospital kerajaan dan mendapati telah ramai ibu mengandung menggunakan perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital.

Beliau berkata di Melaka, jumlah kematian bayi pada tahun lepas menunjukkan peningkatan iaitu 5.87 peratus kematian bagi setiap 1,000 kelahiran berbanding 3.4 peratus kematian bagi setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1999.

Mengenai pembinaan hospital baru yang tidak menggunakan kertas dalam memproses data-data perubatan, beliau berkata setakat ini sambutan terhadap hospital seumpama itu di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya amat menggalakkan.

Beliau berkata orang ramai menerima baik konsep hospital berkenaan yang mempunyai kemudahan canggih dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada pelanggan serta mempunyai kemudahan yang baik.

"Selain kemudahan yang canggih, ia menempatkan pakar-pakar perubatan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pesakit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu merasmikan Hospital Angkatan Tentera di Lumut semalam yang kerajaan sedang membina tujuh hospital yang tidak menggunakan kertas dalam pemprosesan data-data perubatan.

Dr Mahathir berkata hospital itu menggunakan sistem komputer dan teknologi terkini sepenuhnya, yang akan mempunyai perkhidmatan tercanggih di kalangan negara membangun.

-- BERNAMA

SBS LAT